



KENYATAAN MEDIA

PENGHANTARAN KERETAPI TERAKHIR MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG

Berakhirnya kontrak keretapi elektrik menyerlahkan kejayaan Program Kolaborasi Industri Projek MRT Lembah Klang

Kuala Lumpur, 28 Februari 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menerima penghantaran terakhir untuk 58 keretapi elektrik MRT bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Penghantaran ini menandakan salah satu pencapaian terbesar bagi Projek sebelum Laluan SBK siap keseluruhannya, dijadualkan pada bulan Julai 2017.

Penghantaran telah berlangsung pada petang 21 Februari 2017 dan berlanjutan sehingga lewat pagi keesokan harinya dengan penurunan keretapi di Depoh MRT Sungai Buloh.

Keempat-empat gerabak keretapi telah dihantar dari kilang pemasangan keretapi metro SMH Rail Sdn Bhd di Rasa, Hulu Selangor. Kilang milik tempatan tersebut merupakan kilang pertama di luar Eropah dan satu-satunya di Asia Tenggara yang telah disahkan oleh Siemens untuk mengendalikan pemasangan lengkap keretapi metro.

Keseemua 58 keretapi elektrik Laluan SBK telah dibekalkan oleh sebuah konsortium merangkumi Siemens AG dari Jerman, Siemens Malaysia Sdn Bhd dan SMH Rail Sdn Bhd. Nilai kontrak ini ialah RM1.37 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata ia merupakan pencapaian yang besar di Malaysia yang telah berjaya membekalkan keseluruhan stok keretapi bagi Projek MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK).

“Selain menjadi di antara komponen yang paling ikonik bagi Laluan SBK, keretapi elektrik merupakan sesuatu yang dekat di hati saya kerana ia menandakan kejayaan yang besar dalam usaha untuk menyediakan kandungan dan penyertaan tempatan di bawah Program Kolaborasi Industri Projek MRT Lembah Klang.” kata Shahril.

“Saya ucapkan tahniah kepada Siemens AG, Siemens Malaysia dan SMH Rail bagi kejayaan yang cemerlang dalam menghantar keretapi elektrik mengikut jadual yang telah ditetapkan,” tambah beliau.



Di bawah Program Kolaborasi Industri yang dianjurkan oleh Kerajaan, kontraktor-kontraktor asing bagi Projek MRT Lembah Klang perlu memberi pengetahuan dan pemindahan teknologi ke Malaysia.

Program Kolaborasi Industri bagi kontrak keretapi elektrik melibatkan syarikat SMH Rail, di mana syarikat tersebut telah membina sebuah kilang pemasangan keretapi berharga RM80 juta di Rasa yang telah menyediakan kira-kira 300 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, kebanyakan yang tinggal di kawasan itu.

Program ini juga membolehkan SMH Rail untuk memperoleh pengetahuan dalam pemasangan keretapi mengikut piawaian antarabangsa dan akses untuk industri penyelenggaraan landasan dan pemasangan keretapi antarabangsa.

Pada penghantaran keretapi petang itu, satu majlis ringkas yang telah dihadiri oleh Pengarah Projek Laluan SBK MRT Corp Encik Marcus Karakashian, Pengarah Projek Laluan MRT-1 bagi Siemens Encik Thomas Bundesman, Pengarah Projek Kumpulan SMH Rail Encik Zahrin Mohd Zaman dan Pengarah Projek SMH Rail Encik Neville Krogh telah diadakan di kilang pemasangan tersebut.

Selepas muatan selesai dinaikkan, konvoi trailer yang mengangkut empat gerabak mengikut susunan yang betul bergerak melalui jalan Rasa-Bukit Beruntung sebelum memasuki Lebuhraya Utara-Selatan di Plaza Tol Bukit Beruntung.

Konvoi itu kemudiannya menuju ke Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Guthrie ke Pertukaran Bukit Subang di mana konvoi itu masuk ke jalan Sungai Buloh-Subang untuk tiba di Depoh Sungai Buloh. Masa perjalanan yang diambil lebih kurang tiga jam.

Sementara di Depoh Sungai Buloh, treler-treler tersebut telah diletakkan di kawasan penurunan sehingga pagi di mana operasi penurunan dijalankan. Sebaik sahaja penurunan dijalankan, keempat-empat kereta yang diletakkan secara berasingan telah digabungkan dan dibawa ke bangunan penyelenggaraan stok keretapi di depoh.

Di depoh, keretapi akan diperiksa selanjutnya sebelum mula digunakan.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my